

**Melayu dominasi perkhidmatan awam? Ini penjelasan Tun M
Astro Awani
20 Februari 2023**

KUALA LUMPUR: Ketika proses rundingan sebelum negara mencapai kemerdekaan, kerajaan sedar orang Melayu tidak akan mampu bersaing dengan kaum Cina selepas merdeka.

Oleh itu, menurut bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, wujud dasar kerajaan yang memberi keutamaan kepada orang Melayu.

"Kita khuatir tentang masa depan orang Melayu kerana kita sedar mereka tidak mampu bersaing dengan orang Cina.

"Sebab itu, ditentukan bagi jawatan tertinggi, empat orang Melayu (diberikan tempat), kemudian orang bukan Melayu," katanya menurut laporan MalaysiaNow.

Beliau berkata demikian apabila diminta mengulas kenyataan pemimpin DAP, P Ramasamy, yang mendakwa dasar kaum Melayu mendominasi perkhidmatan awam dilaksanakan pada era kepimpinan beliau.

Ramasamy, yang juga Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang, baru-baru ini menggesa Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mereformasi perkhidmatan awam yang didakwa didominasi Melayu.

Katanya, hujah lama yang memihak kepada penguasaan orang Melayu dalam perkhidmatan awam untuk mengimbangi penguasaan ekonomi bangsa Cina, tidak lagi terpakai.

Dr Mahathir berkata, langkah mengutamakan kaum Melayu dalam perkhidmatan awam sudah ditentukan sebelum beliau menjadi perdana menteri lagi.

Pada masa sama, beliau turut meminta Ramasamy membandingkan antara dasar kerajaan dan amalan syarikat-syarikat swasta.

"Bukanlah orang Melayu yang halang mereka (bukan Melayu) masuk kerajaan, tetapi mereka juga menghalang orang Melayu menyertai syarikat swasta dengan lebih ketat lagi.

"Itu mereka tidak sebut," katanya.

© 2023 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. 200001032668(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/melayu-dominasi-perkhidmatan-awam-ini-penjelasan-tun-m-407319>